

**PENGLIBATAN KONTRAKTOR DALAM  
KERJA PENGUBAHSUAIAN**

**ZUHAILI BIN MOHAMAD RAMLY**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian)**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**MEI, 2006**

## ABSTRAK

Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Akta 520) menyatakan bahawa kerja pembinaan itu merangkumi pembinaan baru, penambahan, pemasangan, pembaikan, penyelenggaraan, pembaharuan, pembuangan, pemansuhan pengubahsuaian dan pemusnahan. Industri pembinaan yang tidak begitu memberangsangkan hari ini menyebabkan banyak firma kontraktor yang berhadapan dengan masalah ketiadaan projek. Mungkin bidang pengubahsuaian ini tidak dilihat dari perspektif yang lebih baik berbanding dengan aktiviti pembinaan baru. Namun tanpa disedari, pengubahsuaian merupakan satu sub industri yang mampu membawakan peluang yang cukup baik dan menarik. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti teknik anggaran kos bagi kerja pengubahsuaian dan faktor pemilihan teknik tersebut serta faktor-faktor yang mempengaruhi kos pengubahsuaian dari perspektif kontraktor. Bagi mencapai objektif penyelidikan, kajian literatur dan pengedaran borang soal selidik dijalankan dengan skop penyelidikan meliputi firma kontraktor di sekitar daerah Johor Bahru sahaja. Analisis dibuat ke atas borang soal selidik yang berjaya dikumpul dengan menggunakan kaedah analisis Frekuensi dan “*Likert Scaling*” berdasarkan skor purata. Kajian telah menunjukkan bahawa teknik berasaskan kuantiti nilai hampir lebih cenderung digunakan disebabkan faktor saiz pengubahsuaian dan tempoh masa yang diberikan. Hasil daripada analisis juga mendapati faktor-faktor seperti bahan binaan dan buruh merupakan komponen kos yang amat mempengaruhi kos kerja pengubahsuaian.

## **ABSTRACT**

The Construction Industry Development Acts (Act 520) defines 'construction' as construction, extension, repair, maintenance, renewal, removal, renovation, alteration, dismantling or even demolition. This research attempts to analyse and provide some insights toward the renovation activities that are able to create a lucrative opportunity to the contractors. The objective of this research is to determine the technique of cost estimating whether it is by lump sum or by preparation of bill of quantities, and why the respective techniques were chosen for renovation works. The second objective is to determine the factors affecting the cost of renovation from the contractors perspective. To achieve the objectives of this research, literature review and questionnaires were distributed to the contractors firm in the district of Johor Bahru. Analysis were done on collected questionnaires using Frequency Statistical analysis and Likert Scaling method, based on average score. This research has shown that, approximate quantity is the most preferable by the respondents because of factor such as the size of renovation itself and tim period given. Analysis results also show that factors such as the construction materials and labour are among the components which have high impact on the cost of renovation work.